

09 NOV 2000

CUKAI-KORPORAT

KETIADAAN POTONGAN CUKAI BUKAN SESUATU YANG MENGECEWAKAN, KATA PAKAR

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Kekurangan potongan cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 2001 yang dibentang tidak lama dulu, bukanlah sesuatu yang mengecewakan seperti mana yang dianggap oleh kalangan korporat, demikian menurut rakan niaga sebuah syarikat perundingan perakaunan dan pengurusan.

"Saya tidak menyifatkan ini sesuatu yang mengecewakan," kata Poon Yew Hoe dari Horwath Mok and Poon kepada Bernama selepas taklimat Belanjawan 2001 yang dianjurkan oleh syarikatnya di sini hari ini.

Menjelang pengumuman Belanjawan 2001 pada 27 Okt, pasaran saham begitu ghairah dengan jangkaan yang cukai korporat akan dikurangkan antara satu hingga dua peratus mata bagi mengurangkan jurang dengan negara jiran Singapura, atau sekurang-kurangnya menyamainya.

Pada masa ini, cukai korporat Malaysia ialah 28 peratus dan pendapatan individu cukai maksimum pada 29 peratus.

Poon berkata jangkaan itu adalah ekor dari spekulasi-spekulasi yang timbul sebelum pembentangan belanjawan berkenaan.

"Kalau tidak, orang tidak begitu menghiraukannya," kata beliau.

Poon percaya ketiadaan potongan cukai tahun ini ialah kerana negara masih lagi berusaha keluar dari belunggu kemelesetan.

"Saya tidak fikir ada sesiapa yang betul-betul kecewa," tambah beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempertahankan ketiadaan potongan dalam cukai korporat, telah berkata kerajaan tidak berdaya untuk mengurangkan cukai korporat sepertimana yang diharapkan kerana ia akan turut mengurangkan cukai-cukai lain serentak pada satu masa.

"Dalam jangka masa panjang, kerajaan mungkin akan kehabisan wang. Kita perlu membina lebih banyak lagi sekolah dan menyediakan bantuan kepada orang ramai ... segala-galanya memerlukan perbelanjaan dan ia kian meningkat," jelas perdana menteri.

Poon, yang juga bertanggungjawab menyediakan ulasan eksekutif Belanjawan 2001 untuk Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia berkata, "pada mereka yang mahu menyaksikan lebih banyak perubahan besar yang strategik bagi percukaian 2001, perlulah menunggu setahun lagi".

"Seperti sebuah pulau di tengah lautan yang luas, Malaysia masih lagi terkecuali jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang mengguna pakai cukai barangan dan perkhidmatan (GST)," kata Poon merujuk kepada bahagian percukaian sedemikian.

"Indonesia telah melaksanakannya, begitu juga Singapura dan baru-baru ini, Australia. Bagaimanapun Malaysia masih mampu bertahan, tetapi ia hanya bergantung kepada masa."

Dengan perluasan asas cukai perkhidmatan yang merangkumi pelbagai jenis perkhidmatan di dalam Belanjawan 2001, Poon berkata GST, yang membenarkan kemasukan kredit, sekaligus mengukuhkan lagi regim percukaian, kemungkinan menjadi langkah seterusnya.

"Jika ia diiringi dengan pengurangan besar kadar cukai langsung, penggabungan cukai jualan dan cukai perkhidmatan ke dalam GST akan meningkatkan lagi kerja kuat yang merugikan penggunaan. Kesimpulannya, kerja kuat dan mempunyai penduduk yang tidak boros akan menjadikan sesebuah negara itu kuat dan teguh," kata beliau.

Poon bagaimanapun menegaskan yang pada masa ini, pelaksanaan GST tidak begitu sesuai.

"Perlaksanaan GST pada peringkat ini mungkin boleh menjadi pendorong

untuk negara berusaha dengan lebih kuat dengan mengambil kira yang kita baru sahaja pulih daripada krisis kewangan 1998 di mana pertumbuhan negatif 7.5 peratus dicatatkan.

"Untuk pulih semula, Belanjawan 1999 merupakan permulaan yang baik, secara sedar atau tidak sedar dengan ketiadaan cukai 1999, ia mendorong para peniaga menggandakan lagi usaha mencatatkan keuntungan tanpa dikenakan cukai. Jadi, bukanlah sesuatu yang memeranjatkan jika keuntungan korporat meningkat dalam tempoh itu.

Dalam pada itu, Belanjawan 2000 dan 2001 meneruskan proses itu untuk menyemarakkan lagi usaha-usaha pemulihan".

-- BERNAMA

MAD SHY AA MA